



Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (23)
 Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H
 28 Disember 2017

Pendaftar
 Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
 Makamah Rendah Syariah Perak

EDARAN ARAHAN KETUA PENDAFTAR 2017

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Bersama ini diedarkan Arahan Ketua Pendaftar No.1 – 6 Tahun 2017 dikuatkuasa pekeliling mulai 1 Mac 2018.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
 Ketua Pendaftar
 Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



جباتن كحاكيمن شرعية فيراق دارالرضوان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.



(6)05-5018 400



(6)05-5018 522



<https://webmail.esyariah.gov.my>



syariah.perak.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (17)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H
28 Disember 2017

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 1 Tahun 2017

DOKUMEN ASAL MILIK PELANGGAN DALAM KES MAL

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan Keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran antara Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Jabatan Agama Islam Perak dan Jabatan Pendakwaan Perak pada 13 dan 14 Jun 2017, bertempat di Mahkamah Syariah Parit Buntar, Perak telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Dokumen asal seperti Sijil Nikah, Sijil Cerai, Sijil Kelahiran dan lain-lain dokumen asal yang digunakan semasa berurusan di Mahkamah adalah milik pelanggan. Sehubungan dengan itu, dokumen-dokumen tersebut hendaklah dijaga dengan baik dan hendaklah dipulangkan kepada pelanggan sebaik sahaja selesai proses mengenal pasti dokumen tersebut semasa perbincangan/sebutan atau selepas keputusan kes dikeluarkan, kecuali jika ada perintah Mahkamah yang mengarahkan dokumen tersebut perlu dirampas.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (18)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H

28 Disember 2017

Pendaftar
 Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
 Makamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 2 Tahun 2017

MAKLUMAT REKOD PERCERAIAN

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan Keputusan Mesyuarat Teknikal dan Undang-Undang Jabatan Kehakiman Syariah Perak, pada 8 dan 9 Jun 2017, bertempat di Mahkamah Syariah Seri Iskandar, Perak telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Rekod Perceraian yang dihantar kepada Pejabat Ketua Pendaftar Nikah, Cerai, Rujuk atau Pendaftar Nikah Cerai Rujuk di Pejabat Agama Daerah melalui sistem *i-post* disediakan dalam bentuk **Perintah** dan menggunakan **Kertas Keselamatan** yang mengandungi maklumat pasangan, tarikh bercerai, jenis cerai (persetujuan/fasakh/takliq/tebus talak dan lain-lain), tempat bercerai, bilangan talak, keadaan isteri (suci/haid/mengandung). Salinan Sijil Nikah pasangan ini juga perlu hantar bersama.

... dilampirkan format perintah.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
 Ketua Pendaftar
 Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



PERINTAH DAFTAR FASAKH

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI(DAERAH)

DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KES MAL BIL. : _____

ANTARA

(KP : _____)

- PLAINTIF

DENGAN

(KP : _____)

- DEFENDAN

PERINTAH PENDAFTARAN PERCERAIAN

DI HADAPAN TUAN _____

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PERAK DI _____

PADA _____

DALAM KAMAR

SETELAH MENELITI PLIDING pihak-pihak dan setelah dipanggil untuk suatu perbicaraan di Hadapan Tuan _____ Hakim Mahkamah Rendah Syariah Perak di _____ dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan.

MAKA PADA HARI INI MAHKAMAH MEMERINTAHKAN seperti berikut :-

1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff di bawah seksyen 53 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004;

PERINTAH DAFTAR FASAKH

2. Mahkamah membubarkan perkahwinan antara (Plaintif : Nama, dan No. K/P) dan pasangan (PASANGAN : Nama, No. K/P dan Alamat) pada (TARIKH CERAI/SABITAN).
3. Mahkamah mensabitkan pasangan ini bercerai secara Fasakh, "*Bain Sughro*" keadaan (SUCI/TIDAK SUCI/MENGANDUNG) dan (Plaintif/Defendan) hendaklah beriddah tiga (3) kali suci mulai hari ini.
4. Penceraian ini hendaklah didaftarkan oleh Ketua Pendaftar / Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri Perak.

Bertarikh :

.....
(HAKIM / PENDAFTAR)
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
PERAK DARUL RIDZUAN

PERINTAH DAFTAR CERAI

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI(DAERAH)

DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KES MAL BIL. : _____

ANTARA

- PLAINTIF

(KP : _____)

DENGAN

- DEFENDAN

(KP : _____)

PERINTAH PENDAFTARAN PERCERAIAN

DI HADAPAN TUAN _____

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PERAK DI _____

PADA _____

DALAM KAMAR

SETELAH MENELITI PLIDING pihak-pihak dan setelah dipanggil untuk suatu perbicaraan di Hadapan Tuan _____ Hakim Mahkamah Rendah Syariah Perak di _____ dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan.

MAKA PADA HARI INI MAHKAMAH MEMERINTAHKAN seperti berikut :-

1. Mahkamah meluluskan permohonan Plaintiff untuk bercerai berdasarkan Seksyen 47 EKIP 2004 dan melafazkan cerai terhadap Defendan dengan talak satu.
2. Mahkamah mensabitkan perceraian antara (Plaintif : Nama, No. K/P, Alamat) dan pasangan (PASANGAN : Nama, No. K/P dan Alamat) pada (TARIKH CERAI) adalah sah mengikut Hukum Syarak.
3. Mahkamah mensabitkan pasangan ini bercerai dengan talak satu kali _____ berjumlah _____ talak secara talak (rajie / bain), keadaan (SUCI/TIDAK SUCI/MENGANDUNG) dan (Plaintif/Defendan) hendaklah beriddah tiga (3) kali suci mulai hari ini.

PERINTAH DAFTAR CERAI

4. Penceraian ini hendaklah didaftarkan oleh Ketua Pendaftar / Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri Perak.

Bertarikh :

(HAKIM / PENDAFTAR)
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
PERAK DARUL RIDZUAN

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI.....
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KES MAL BIL : _____

ANTARA

PLAINTIF

(KP : _____)

DENGAN

DEFENDAN

(KP: _____)

PENGHAKIMAN PENGESAHAN LAFAZ CERAI

DI HADAPAN

TUAN _____

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PERAK DI _____

PADA _____

MAHKAMAH TERBUKA

SETELAH MENELITI PLIDING pihak-pihak dan setelah dipanggil untuk suatu perbicaraan di Hadapan Tuan _____ Hakim Mahkamah Rendah Syariah Perak di _____ dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan.

MAKA PADA HARI INI DIHAKIMI bahawa :-

1. Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff untuk pengesahan lafaz cerai Seksyen 57 EKIPK 2004.
2. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz/bertulis/perbuatan yang telah dilakukan oleh Plaintiff/Defendan pada.....(tarikh) adalah merupakan suatu lafaz yang tak sah dan tidak jatuh talak.
3. Mahkamah mengesahkan Plaintiff dan Defendan adalah suami isteri yang sah mengikut Hukum Syarak.

Bertarikhharibulan.....20.....

.....
Hakim/Pendaftar

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI.....
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

KES MAL BIL : _____

ANTARA

PLAINTIF

(KP : _____)

DENGAN

DEFENDAN

(KP: _____)

PENGHAKIMAN PENGESAHAN LAFAZ CERAI

DI HADAPAN

TUAN _____

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PERAK DI _____

PADA _____

MAHKAMAH TERBUKA

SETELAH MENELITI PLIDING pihak-pihak dan setelah dipanggil untuk suatu perbicaraan di Hadapan Tuan _____ Hakim Mahkamah Rendah Syariah Perak di _____ dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan.

MAKA PADA HARI INI DIHAKIMI bahawa :-

1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff untuk pengesahan lafaz cerai berdasarkan Seksyen 57 EKIPK 2004.
2. Mahkamah mensabitkan (Plaintif : Nama, No. K/P, Alamat) dan pasangan (PASANGAN : Nama, No. K/P dan Alamat) telah bercerai pada (TARIKH CERAI) di (TEMPAT CERAI) tanpa kebenaran mahkamah.
3. Mahkamah mensabitkan pasangan ini bercerai dengan talak satu kali _____ berjumlah _____ talak secara talak (rajie / bain), keadaan (SUCI/TIDAK SUCI/MENGANDUNG) dan (Plaintif/Defendan) hendaklah beriddah (tiga (3)) kali suci mulai hari ini.
4. Penceraian ini hendaklah didaftarkan oleh Ketua Pendaftar / Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri Perak.

Bertarikhharibulan.....20.....

.....
Hakim/Pendaftar



جباتن كحاكيمان شرعية فيراق دارالرضوان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.



(6)05-5018 400



(6)05-5018 522



<https://webmail.esyariah.gov.my>



syariah.perak.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (19)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H
28 Disember 2017

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 3 Tahun 2017

MAKLUMAT REKOD PENDAFTARAN PERKAHWINAN

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan Keputusan Mesyuarat Teknikal dan Undang-Undang Jabatan Kehakiman Syariah Perak, pada 8 dan 9 Jun 2017, bertempat di Mahkamah Syariah Seri Iskandar, Perak telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Rekod Pendaftaran Perkahwinan bagi kes-kes perkahwinan yang bertentangan dengan undang-undang (seksyen 12 dan 23 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004) hendaklah disediakan dalam bentuk Perintah dan menggunakan **Kertas Keselamatan**.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



جباتن كحاكمن شرعية فيراق دارالرضوان
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.



(6)05-5018 400



(6)05-5018 522



<https://webmail.esyariah.gov.my>



syariah.perak.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (20)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H
28 Disember 2017

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
Makamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 4 Tahun 2017

PEMASTAUTINAN BAGI KES PENDAFTARAN NIKAH DAN POLIGAMI TANPA KEBENARAN

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan Keputusan Mesyuarat Penyelarasan antara Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Jabatan Pendakwaan Syarie Perak dan Jabatan Agama Islam Perak Bil. 1/2017 pada 13 Jun 2017, bertempat di Mahkamah Syariah Parit Buntar, Perak telah bersetuju dan mengesahkan bahawa penentuan seseorang itu mastautin di negeri Perak adalah berdasarkan kepada butiran berikut :-

- alamat pada Kad Pengenalan Pemohon;
- alamat yang direkodkan dalam Surat Perakuan Nikah Luar Negera;
- sekiranya alamat direkodkan dalam Surat Perakuan Nikah Luar Negera, menggunakan alamat luar negeri Perak, maka perlu dikemukakan surat akuan sumpah sebagai bukti pemastautinan di Perak.

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak No.1 dan 2 Tahun 2012.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008

CERT. NO : MY-AR3297



جباتن كحاكمن شرعية فيراق دارالرضوان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.



(6)05-5018 400



(6)05-5018 522



<https://webmail.esyariah.gov.my>



syariah.perak.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (21)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H

28 Disember 2017

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
Makamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 5 Tahun 2017

REKOD PENDAFTARAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan Keputusan Mesyuarat Penyelarasan antara Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Jabatan Pendakwaan Syarie Perak dan Jabatan Agama Islam Perak Bil. 1/2017 pada 13 Jun 2017, bertempat di Mahkamah Syariah Parit Buntar, Perak telah bersetuju dan mengesahkan bahawa Perintah Perkahwinan Tanpa Kebenaran hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Perak di Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam melalui Sistem *i-Post*.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Pendaftar

Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



جباتن كحاكيمن شرعية فيراق دارالرضوان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN

Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.




(6)05-5018 400



(6)05-5018 522



<https://webmail.esyariah.gov.my>



syariah.perak.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk. 600-1/3/1 (22)

Tarikh : 9 Rabiulakhir 1439H
28 Disember 2017

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Penolong-Penolong Pendaftar
Makamah Rendah Syariah Perak

Arahan Ketua Pendaftar

No. 6 Tahun 2017

PEMAKAIAN SEKSYEN 182 : PERINTAH PENGKOMITAN

Saya dengan ini menarik perhatian Tuan/Puan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar berhubung dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-Undang Mahkamah Syariah Bil.1/2017, pada 8hb Jun 2017, di Mahkamah Syariah Seri Iskandar telah bersetuju bahawa sesuatu Perintah Pengkomitan (MS 46) di bawah seksyen 182 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, iaitu perintah pemenjaraan ke atas Penghutang Penghakiman hendaklah disertakan Waran Penahanan dan ditujukan kepada Pegawai Penjara berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. AB RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Perak.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 9001:2008